

APA HARUS ANDA LAKUKAN

- Basuh semua sayur-sayuran dan buah-buahan dengan teliti sebelum dimakan. Elakkan dari memakan bahan makanan mentah terutama dimusim wabak.



- Basuh semua pinggan mangkuk dengan menggunakan air yang bersih.



- Masak air yang hendak diminum.



- Cuci tangan dengan sabun dan air yang bersih selepas membuang air besar dan sebelum menyedia atau memakan makanan.



- Tutup/Tudung semua makanan supaya tidak dihinggapi lalat.



- Gunakan penyeprit, bukan dengan tangan untuk mengambil makanan



- Sediakan makanan di tempat tinggi bukan di atas lantai.



- Gunakan tandas yang sempurna dan jangan membuang air besar di merata tempat.



- Bersihkan kawasan sekeliling untuk mengelakkan dari pemberian lalat

BERJUMPALAH DOKTOR DI KLINIK –
KLINIK ATAU HOSPITAL YANG
BERDEKATAN SEKIRANYA ANDA
MENGIDAP CIRIT–BIRIT, SAKIT PERUT
ATAU DEMAM.

DEMAM PANAS SAKIT PERUT CIRIT BIRIT



mungkin bererti

DEMAM KEPIALU

APAKAH ITU DEMAM KEPIALU

DEMAM KEPIALU ialah sejenis penyakit berjangkit yang disebabkan oleh kuman Kepialu (*Salmonella typhi*). Kuman-kuman ini terdapat di dalam air kencing dan najis pesakit Kepialu dan pembawanya.

Pembawa Demam Kepialu ialah seorang yang mempunyai kuman-kuman Kepialu dalam badannya, tetapi tidak menunjukkan tanda-tanda Demam Kepialu.

BAGAIMANA DEMAM KEPIALU MEREBAK

- Penyakit ini direbakkan oleh orang-orang yang tidak mengamalkan kebersihan diri, makanan dan alam sekeliling dengan sempurna.

Mereka membawa kuman - kuman di badan dan di tangan mereka.

Penyaji - penyaji makanan yang tidak membasuh tangan mereka dengan teliti akan mencemarkan makanan dan minuman yang mereka sedia dan sajikan.



Sesiapa saja yang memakan makanan tersebut akan mendapat penyakit ini.



- Seorang pesakit kepialu atau pembawanya yang membuang najis di merata-rata tempat, adalah merbahaya kerana najis-najis ini akan menceemarkan bekalan air atau makanan melalui cara-cara berikut:-

- Hujan yang turun kemudian mengasirkan air yang bercampur najis masuk ke dalam telaga. Seterusnya punca air tersebut pun dicemarkan dengan kuman - kuman Kepialu.



- Lalat yang menghinggapi najis tadi kemudian akan hinggap pula di atas makanan yang terdedah atau yang tidak ditutup dengan teliti.



Dengan demikian, sesiapa yang memakan makanan yang dihinggapi lalat tadi akan dijangkiti
DEMAM KEPIALU

TANDA – TANDA DEMAM KEPIALU

- Sakit kepala yang amat sangat.

- Meragam dan sakit dalam perut.

- Sembelit diikuti dengan cirit - birit.

- Demam panas yang tinggi dan berterusan hingga 3 atau 4 minggu.



- Bintik - bintik ruam pada badan.

- Lali dan mata mengantuk. Pesakit mungkin tidak sedar diri dan bercakap merapu.

AKIBAT DEMAM KEPIALU

- Seorang pesakit mungkin akan mengambil masa berminggu-minggu untuk sembuh. Biasanya tidak akan pulih seperti sediakala.
- Seorang pesakit itu boleh mengalami perdarahan dan bahagian yang dijangkiti dalam ususnya boleh pecah.
- Jangkitan Kepialu boleh menjangkiti jantung yang kemudiannya boleh membawa maut.
- Penyakit ini boleh menyebabkan maut sekiranya tidak dirawati.

RAWATAN AWAL BOLEH MENYELAMATKAN NYAWA